



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN  
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)**

Aras 5, Blok Menara  
Bangunan Menara Usahawan  
No.18 Persiaran Perdana, Presint 2  
62652 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-8880 5650  
Faks (Fax): 603-8880 5646  
Laman Web (Web): [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

**KENYATAAN MEDIA**

**EAIC TUBUH PASUKAN PETUGAS KHAS SIASAT  
SINDIKET VISA PERUBATAN WARGA ASING**

Putrajaya, 15 Oktober 2024 — Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) hari ini mengumumkan penubuhan Pasukan Petugas Khas selaras dengan subseksyen 17(1) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] bagi menyiasat isu salah laku berhubung dengan sindiket visa perubatan yang dikeluarkan kepada warga asing daripada beberapa buah negara.

Pasukan Petugas Khas ini akan diketuai oleh Dato' Seri Dr. Razali Ab Malik yang merupakan salah seorang Pesuruhjaya EAIC. Berdasarkan siasatan awal yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya Bil. 9/2024 pada hari ini, mesyuarat tersebut telah memutuskan untuk siasatan menyeluruh dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti yang mencurigakan berkaitan sindiket tersebut berdasarkan dokumen-dokumen yang telah disita. Tindakan ini diambil bagi memastikan perkhidmatan kemudahan visa perubatan kepada warga asing diluluskan dengan penuh integriti dan melindungi keselamatan negara.

EAIC menggesa orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan siasatan di atas untuk menghubungi Pegawai Siasatan EAIC di talian 019-2325569.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat  
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)